

## MELANGKAH KE TAHUN 2021 DENGAN NORMA BAHARU



### 1. OPERASI PEJABAT JABATAN PERTANIAN SEMASA TEMPOH PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN (PKP)

Peringkat Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) yang dikenakan bagi menangani wabak COVID-19 adalah berubah dari semasa ke semasa berdasarkan situasi dan penilaian risiko yang dilaksanakan oleh Kerajaan.

BIL.	PERINTAH	KEHADIRAN BERTUGAS
1.	Perintah Kawalan Pergerakan (PKP)	Perkhidmatan perlu ( <i>essential services</i> ) – 100%
2.	Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB)	Perkhidmatan lain – maksimum 30%
3.	Perintah Kawalan Pergerakan Pemulihan (PKPP)	Kehadiran secara optimum

### 2. BEKERJA DARI RUMAH DALAM TEMPOH PKP

Pegawai Yang Bekerja Dari Rumah Harus **PATUHI** arahan berikut :

1. Sentiasa berada di rumah dalam tempoh waktu pejabat/ bekerja yang ditetapkan oleh kerajaan
2. Sentiasa bersedia sekiranya diarah oleh Ketua Jabatan untuk hadir ke pejabat atau mana-mana lokasi lain
3. Memastikan sentiasa boleh dihubungi dalam tempoh waktu bekerja
4. Merekodkan kehadiran BDR menggunakan Sistem Kehadiran Bekerja DOA di <http://aplikasi.doa.gov.my/doakerja/index.php>.



### 3. PROGRAM PEMATUHAN PEMBASMIAN PENYALAHGUNAAN DADAH MELALUI SARINGAN UJIAN AIR KENCING BAGI PEGAWAI PERTANIAN GRED G41 LANTIKAN BAHARU TAHUN 2021 JABATAN PERTANIAN

**Putrajaya, 8 Januari 2021** – Unit Integriti telah menjalankan satu program pematuhan Pembasmian Penyalahgunaan Dadah Melalui Saringan Ujian Air Kencing Bagi Pegawai Pertanian Gred G41 Lantikan Baharu Tahun 2021 Jabatan Pertanian dengan kerjasama Bahagian Khidmat Pengurusan dan Agensi Anti Dadah Kebangsaan (AADK) Putrajaya pada 8 Januari 2021 di Dewan Serbaguna, Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI).

### 4. LARANGAN PENYALAHGUNAAN DADAH KEPADA PENJAWAT AWAM

#### PERATURAN 7(1)

Seseorang pegawai tidak boleh menggunakan atau mengambil apa-apa dadah berbahaya, kecuali sebagaimana yang dipreskripsikan untuk kegunaannya bagi maksud perubatan oleh pengamal perubatan yang didaftarkan di bawah Akta Perubatan 1971 atau menyalahgunakan atau menagih apa-apa jenis dadah berbahaya.

#### PERATURAN 7(2)

Jika seseorang Pegawai Perubatan Kerajaan memperakui bahawa seseorang pegawai menggunakan atau mengambil, selain bagi maksud perubatan, suatu dadah berbahaya atau menyalahgunakan atau menagih suatu dadah berbahaya, pegawai itu boleh dikenakan **TINDAKAN TATATERTIB** dengan tujuan **BUANG KERJA**.



### 5. PENUBUHAN UNIT INTEGRITI DI JABATAN PERTANIAN

Unit Integriti Jabatan Pertanian telah ditubuhkan pada 2 Mei 2014 untuk menguruskan isu berkaitan integriti di dalam Jabatan Pertanian. Unit ini bertanggungjawab untuk melaksanakan enam (6) fungsi teras seperti berikut :

1. Tadbir Urus
2. Pengukuhan Integriti
3. Pematuhan
4. Tatatertib
5. Pengesanan dan Pengesahan
6. Aduan

